



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

NRES KOMITED ATASI KRISIS BEKALAN GLOBAL, REKOD PENJIMATAN KOS TENAGA RM39 JUTA SETAHUN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) komited atasi krisis bekalan global menerusi pelaksanaan inisiatif *Energy Management Gold Standard* (EMGS) di bawah *ASEAN Energy Management Scheme* (AEMAS) yang merekodkan penjimatan guna tenaga sebanyak 106 GWh yang dianggarkan bernilai RM39 juta setahun.

Perkara ini dinyatakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh, sewaktu merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil EMGS di bawah AEMAS yang dianjurkan oleh MGTC di EQ Hotel, Kuala Lumpur.

“Selain itu, inisiatif ini turut menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 81.7 kiloton karbon dioksida setara setahun. Sebanyak 205 organisasi di seluruh Malaysia yang terlibat dengan program pensijilan EMGS di bawah AEMAS merangkumi 601 penilaian. Menerusinya, pengurangan lebih 300,000 tan karbon dioksida setara dicatatkan sejak pelaksanaannya dari 2010 hingga Disember 2025,” katanya pada majlis perasmian hari ini.

Bermula dengan 205 organisasi di tahap 1-Bintang, sebanyak 166 organisasi telah berjaya beralih ke tahap 2-Bintang, manakala 157 organisasi pula terus memacu kecemerlangan sehingga ke tahap 3-Bintang. Daripada jumlah ini, sebanyak 74 organisasi kekal komited mengekalkan pengiktirafan tertinggi tersebut melalui pembaharuan pensijilan masing-masing.

Manakala, sebanyak 133 organisasi telah berjaya mendapatkan pensijilan EMGS pada tahun 2025, merangkumi 22 organisasi yang menerima sijil 1-Bintang, empat (4) menerima sijil 2-Bintang dan 107 menerima sijil 3-Bintang termasuk pembaharuan pensijilan 3-Bintang. Di samping itu, lima (5) organisasi telah menerima Anugerah Khas berdasarkan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan EMGS di fasiliti mereka.

Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Nor Yahati Awang, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MGTC, Saiful Adib Abd Munaff, dan Pegawai Hal Ehwal Korporat, ACE, Dr. Andy Tirta.

Program AEMAS merupakan inisiatif *ASEAN Centre for Energy* (ACE) sejak tahun 2010 yang bertujuan untuk mengurangkan pelepasan GHG dalam kalangan negara anggota ASEAN melalui pengurusan tenaga dengan cekap dan mampan.

Di Malaysia, sektor tenaga menyumbang kira-kira 79% daripada keseluruhan pelepasan GHG negara pada tahun 2021. Pelepasan GHG daripada sektor ini merangkumi pelepasan GHG daripada sub-sektor penjanaan tenaga elektrik, penapisan petroleum, industri-industri berkaitan pembuatan dan pembinaan, pengangkutan, pelepasan fugitif dan sebagainya. Justeru, pengurusan tenaga secara cekap bukan lagi satu pilihan, tetapi ia merupakan asas dalam mengharungi krisis perubahan iklim global.

MGTC telah dilantik sebagai agensi pelaksana program AEMAS di Malaysia, yang melibatkan program latihan *Energy Manager Training Course* (EMTC) bagi mewujudkan Pengurus Tenaga Bertauliah, serta pensijilan EMGS untuk organisasi yang melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari (SPTL).

Kementerian kekal komited dalam menyokong pelaksanaan inisiatif pengurusan tenaga secara cekap menerusi program AEMAS kerana ia selaras dengan sasaran negara yang digariskan dalam Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2016-2025 (NEEAP), Dasar Tenaga Negara 2022 – 2040 (DTN) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta menyokong pelaksanaan Akta Kecekapan Tenaga dan Konservasi (EECA) 2024. Pada masa yang sama, penglibatan lebih banyak organisasi awam dan swasta dan pemain industri dalam pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga seperti ini menyumbang secara langsung kepada tindakan mitigasi perubahan iklim ke arah mencapai pelepasan GHG sifar bersih pada tahun 2050 selaras dengan aspirasi kelestarian Malaysia.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
27 APRIL 2026**

